

## **ASPIRASI SENI KRAF ETNIK DI KAWASAN DESA SEKITAR SARAWAK**

Norhayati Binti Suleiman  
Hjh. Nazlina Shaari

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak  
[snorhayati@faca.unimas.my](mailto:snorhayati@faca.unimas.my)  
[snazlina@faca.unimas.my](mailto:snazlina@faca.unimas.my)

### **ABSTRAK**

Masyarakat desa sekitar Sarawak majoriti adalah terdiri daripada kaum peribumi yang giat dalam penghasilan seni kraf etnik iaitu kaum Melayu, Orang Ulu, Iban, Bidayuh dan Melanau. Aspirasi kepada perkembangan seni tersebut adalah disokong oleh penyatuan kaum, sumber alam yang pelbagai serta ilmu yang diwarisi turun temurun. Daripada tinjauan rekaan dan pengaplikasian seni kraf etnik bukan sahaja menitik berat nilai estetika tetapi merupakan aktiviti yang menghubungkan peran individu, kelompok masyarakat dan sumber alam semulajadi berpandukan nilai kepercayaan dan adat istiadat. Ia bermula dengan aktiviti sampingan keluarga yang tertumpu di kawasan desa persekitaran Sarawak dan berkembang menjadi industri kraf berkonsepkan Satu Dearah Satu Industri (SDSI) yang diperkenalkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Terdapat beberapa kawasan desa yang giat dalam penghasilan kraf iaitu di daerah Serian, Sarikei, Sri Aman, Betong, Miri dan Limbang. Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kepada nilai seni kraf etnik sebagai aspirasi kepada perkembangan kraf tersebut untuk lebih berdaya saing dalam mempertingkatkan sosio-ekonomi masyarakat desa.

### **PENGENALAN**

Seni kraf merupakan seni kehalusan kerjatangan yang memerlukan kemahiran serta daya kreativiti yang tinggi. Pada kurun ke 19, negara barat telah mengenalpasti seni kraf sebagai salah satu katagori seni dekoratif, namun sekarang ia mula dianggap sebagai seni yang berlandaskan seni budaya yang bukan hanya menitik beratkan astetik tetapi juga kreatif dan inovatif dari segi penggunaan untuk berdaya saing secara global. Diformasi aspirasi adalah keinginan yang kuat untuk mencepai sesuatu. Aspirasi seni dapat dirumuskan sebagai keinginan yang kuat untuk mempertingkatkan seni sebagai penyumbang kepada socio-ekonomi masyarakat dan negara. Di Sarawak, kaum etnik adalah antara kelompok masyarakat yang menyumbang kepada penghasilan seni kraf di Malaysia. Ia memaparkan identiti budaya masyarakat Sarawak yang kaya dengan sumber alam dan penyatuan kaum.

Komuniti kraf kaum etnik di Sarawak terdiri daripada kaum Dayak, Orang Ulu, Iban, Bidayuh dan Melanau. Budaya seni kraf ini dianggap sebagai kemahiran yang dapat menyokong melengkapi keperluan semasa keluarga seperti dalam penghasilan tekstil, dan peralatan seperti bakul, tikar, topeng dan sebagainya. Kemahiran ini dipupuk serta diwarisi dari generasi ke generasi bermula sebagai aktiviti sampingan yang juga menjadi pendapat sampingan sesebuah keluarga. Peredaran ke arah modenisasi dan gandingan teknologi telah memberi kesan kepada cara pemikiran kaum etnik dalam penghasilan seni kraf yang lebih dinamik. Dengan adanya dasar kerajaan yang giat melaksanakan strategi untuk membantu